

[COMPARISON OF THE INFLUENCE OF SOCIAL SUPPORT AND SELF-MOTIVATION ON THE PRACTICE OF READING THE QURAN AMONG THE VISUALLY IMPAIRED IN THE STATE OF KEDAH]

PERBANDINGAN PENGARUH SOKONGAN SOSIAL DAN MOTIVASI DIRI TERHADAP AMALAN MEMBACA AL-QURAN DALAM KALANGAN OKU PENGLIHATAN DI KAWASAN PEDALAMAN NEGERI KEDAH

RAIHAN BINTI AHMAD
ABU ZAKI BIN ISMAIL

Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS)

Email: 21mt07002@postgrad.uis.edu.my

Received: 23rd March 2025

Accepted: 4th April 2025

Published: 1st June 2025

ABSTRACT

This study aims to evaluate and compare the influence of social support and self-motivation on the practice of Quran recitation among visually impaired adults in the rural areas of Kedah. A quantitative survey design was employed using a questionnaire instrument developed based on three main constructs which are social support, self-motivation, and Quran recitation practices. A total of 18 respondents were selected through purposive sampling. Data were analysed using descriptive statistics, Spearman's correlation, and multiple linear regression. The analysis revealed that only social support had a significant positive relationship with Quran recitation ($r_s = 0.404$, $p = 0.048$), while self-motivation was not statistically significant. Although the regression model did not reach statistical significance ($p > 0.05$), the effect size (Cohen's $f^2 = 0.269$) indicates that the model has a moderate-to-large practical strength. The findings highlight the importance of environmental factors such as social support from family, community, and religious institutions in sustaining the religious engagement of visually impaired individuals. The study recommends that structured, community-based intervention approaches be prioritised in the implementation of inclusive Islamic education programmes in rural areas.

Keywords: Visual Impairment, Influence, Social Support, Self-Motivation, Quran Recitation, Rural Areas

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menilai dan membandingkan pengaruh sokongan sosial dan motivasi diri terhadap amalan membaca al-Quran dalam kalangan Orang Kurang Upaya (OKU) penglihatan dewasa di kawasan pedalaman negeri Kedah. Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan kuantitatif dengan instrumen soal selidik yang dibangunkan berdasarkan tiga konstruk utama iaitu sokongan sosial, motivasi diri dan amalan membaca al-Quran. Seramai 18 orang responden dipilih melalui persampelan bertujuan. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif, korelasi *Spearman* dan regresi linear berganda. Hasil analisis menunjukkan bahawa hanya sokongan sosial mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan amalan membaca al-Quran ($r_s = 0.404$, $p = 0.048$) manakala motivasi diri tidak signifikan. Walaupun model regresi tidak mencapai tahap signifikan ($p > 0.05$) namun nilai saiz kesan (Cohen's $f^2 = 0.269$) menunjukkan kekuatan model pada tahap sederhana ke arah besar. Dapatan kajian ini menekankan kepentingan elemen persekitaran seperti sokongan sosial daripada keluarga, komuniti dan institusi agama dalam menyokong penglibatan berterusan OKU penglihatan dalam amalan keagamaan. Kajian ini mencadangkan agar pendekatan intervensi yang bersifat komuniti dan

berstruktur diberikan keutamaan dalam pelaksanaan program pendidikan Islam yang inklusif di kawasan pedalaman atau luar bandar.

Kata kunci: OKU Penglihatan, Pengaruh, Sokongan Sosial, Motivasi Diri, Amalan Membaca Al-Quran, Kawasan Pedalaman

PENDAHULUAN

Amalan membaca al-Quran merupakan antara ibadah asas dalam kehidupan seorang Muslim. Ibadah ini tidak terbatas kepada mana-mana peringkat umur, malah menjadi tuntutan kepada seluruh umat Islam sebagai salah satu cara untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam usaha memperkasa pendidikan al-Quran dalam kalangan komuniti Orang Kurang Upaya (OKU) khususnya OKU penglihatan. Antara Inisiatif yang telah diambil adalah menyediakan mushaf al-Quran Braille, rakaman audio, dan teknologi e-Braille. Walau bagaimanapun, kebanyakan kemudahan ini lebih banyak tertumpu di kawasan bandar sedangkan masih ramai individu OKU penglihatan yang menetap di kawasan pedalaman dan berdepan dengan pelbagai cabaran untuk mengamalkan ibadah ini secara konsisten (Rashed et al., 2021; Jaafar, 2018).

Kajian terdahulu berkaitan pembelajaran al-Quran dalam kalangan individu berkeperluan khas khususnya orang kurang upaya (OKU) penglihatan menekankan kepentingan faktor persekitaran, sokongan sosial dan motivasi diri sebagai penentu keberhasilan pembelajaran. Hajarul Bahti Zakaria et al. (2017) mendapati bahawa keberkesanan pembelajaran tilawah al-Quran dalam kalangan murid bermasalah penglihatan banyak dipengaruhi oleh kemudahan fizikal, bahan bantu mengajar yang bersesuaian serta sokongan berterusan daripada guru dan rakan sebaya. Penemuan ini disokong oleh Mohd Azmi et al. (2025) yang mengenal pasti kekurangan kelas pengajian al-Quran Braille di Malaysia disebabkan oleh keterbatasan tenaga pengajar terlatih dan akses kepada bahan Braille. Selaras dengan itu, Jaafar dan Aziz (2018) turut menegaskan bahawa tahap penguasaan pembelajaran al-Quran dalam kalangan murid bermasalah penglihatan bergantung kepada ketersediaan bahan bantu, kaedah pengajaran mesra OKU serta sokongan moral daripada keluarga.

Motivasi diri dikenal pasti sebagai faktor dalaman yang signifikan dalam proses pembelajaran al-Quran serta berperanan penting dalam mempengaruhi tahap pengamalan membaca al-Quran. Konsep ini merujuk kepada dorongan intrinsik yang mendorong seseorang bertindak secara sukarela, berterusan, dan tanpa paksaan luaran (Deci & Ryan, 1985). Dalam konteks kerohanian, motivasi diri berkait rapat dengan rasa tanggungjawab spiritual, keinginan untuk mendekatkan diri kepada Tuhan serta keyakinan terhadap ganjaran di akhirat (Ryan et al., 1993).

Ali Hasan et al. (2017) melaporkan bahawa motivasi dalaman seperti keinginan mendekatkan diri kepada Allah dan motivasi luaran seperti sokongan guru dan pengiktirafan sosial memberi kesan positif terhadap pencapaian hafazan. Kajian Mustamin dan Martini (2025) serta Najah dan Hasan (2023) turut menunjukkan hubungan positif antara tahap motivasi dan pencapaian akademik dalam pendidikan agama walaupun konteks kajian itu tidak tertumpu khusus kepada pembelajaran al-Quran. Kajian Azizah (2023) pula menonjolkan bahawa dalam kalangan dewasa akhir, faktor spiritual, kesedaran sendiri, dan dorongan daripada komuniti masjid menjadi pemangkin utama pembelajaran al-Quran. Dapatan ini seiring dengan Sholehah dan Arif (2024) yang menegaskan bahawa perkembangan pengajian

al-Quran dipacu oleh gabungan faktor dalaman seperti minat dan keazaman bersama faktor luaran seperti pengaruh persekitaran dan sokongan masyarakat.

Selain motivasi diri, sokongan sosial turut diiktiraf sebagai faktor penting yang mempengaruhi pengamalan membaca al-Quran. Sokongan sosial merujuk kepada bantuan yang diterima oleh individu dalam bentuk emosi, maklumat atau sokongan praktikal daripada persekitaran sosial mereka. Sumber sokongan ini terdiri daripada ahli keluarga, rakan-rakan, komuniti serta institusi sosial (Cutrona & Russell, 1990). Kajian yang dilakukan oleh House (1981) menunjukkan bahawa sokongan sosial memainkan peranan penting dalam membantu golongan OKU menjalani kehidupan yang lebih bermakna dan produktif.

Firmansyah (2024) mendapati bahawa sokongan keluarga, guru, dan rakan sebaya mempunyai hubungan positif dengan motivasi menghafal al-Quran dalam kalangan pelajar tahfiz. Kajian Reza (2025) pula menunjukkan bahawa sokongan sosial bersama penerimaan diri merupakan prediktor yang signifikan terhadap tahap motivasi menghafal al-Quran dalam kalangan mahasiswa. Walaupun tidak mengkaji sokongan sosial secara langsung, Abd Razak dan Awang (2022) menunjukkan bahawa amalan membaca al-Quran berkait rapat dengan tahap kesedaran dan pembudayaan pembacaan yang boleh dipengaruhi oleh interaksi sosial serta persekitaran institusi pendidikan.

Dari perspektif faktor persekitaran dan sosial yang lebih luas, Zakaria Stapa et al. (2012) menegaskan bahawa persekitaran sosial yang positif dapat membentuk jati diri dan menggalakkan pengamalan nilai agama. Mohd Norhisham Pauzi et al. (2020) mendapati bahawa motivasi komuniti untuk mempelajari al-Quran dipengaruhi oleh kualiti pengajaran, sokongan institusi, dan keaktifan program pendidikan. Kajian Lahmi et al. (2020) pula mengenal pasti faktor pendukung seperti kemudahan infrastruktur, penglibatan keluarga, dan peranan guru, manakala faktor penghambat meliputi kekangan masa dan keterbatasan sumber pembelajaran.

Secara keseluruhan, sorotan literatur ini menunjukkan bahawa pengamalan membaca al-Quran dalam kalangan OKU penglihatan dipengaruhi oleh interaksi faktor dalaman iaitu motivasi diri dan faktor luaran iaitu sokongan sosial dan persekitaran pembelajaran yang kondusif. Dapatan ini menyediakan asas empirikal dan teoritikal yang kukuh bagi menilai secara perbandingan pengaruh kedua-dua faktor tersebut dalam konteks populasi kajian ini. Justeru, kajian ini dilakukan untuk menilai dan membandingkan pengaruh sokongan sosial dan motivasi diri terhadap amalan membaca al-Quran dalam kalangan OKU penglihatan dewasa di kawasan pedalaman negeri Kedah.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif berbentuk tinjauan (*survey*) untuk menilai hubungan antara sokongan sosial, motivasi diri dengan amalan membaca al-Quran dalam kalangan OKU penglihatan dewasa yang menetap di kawasan pedalaman negeri Kedah. Pemilihan responden dilakukan secara persampelan bertujuan (*purposive sampling*) dan melibatkan seramai 18 orang peserta kajian yang berumur 19 tahun ke atas dan tinggal di kawasan pedalaman negeri Kedah.

Instrumen kajian terdiri daripada soal selidik berstruktur yang merangkumi tiga konstruk utama iaitu sokongan sosial, motivasi diri, dan amalan membaca al-Quran. Soal selidik telah melalui proses pengesahan oleh panel 3 orang pakar dalam bidang serta

menunjukkan tahap kebolehppercayaan dalaman yang tinggi dengan nilai pekali kebolehppercayaan *Cronbach's Alpha* melebihi 0.81 bagi ketiga-tiga konstruk.

Data dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 27. Analisis statistik deskriptif digunakan merangkumi analisis korelasi Spearman (*Spearman's rho*) dan regresi linear berganda. Ujian normaliti awal menunjukkan bahawa dua daripada tiga pemboleh ubah iaitu sokongan sosial dan amalan membaca al-Quran memenuhi andaian normaliti, manakala pemboleh ubah motivasi diri menunjukkan sedikit penyimpangan daripada taburan normal. Memandangkan saiz sampel yang kecil dan taburan data yang hampir normal serta homogen, analisis parametrik diteruskan bagi analisis regresi linear. Namun demikian, bagi analisis hubungan antara pemboleh ubah, ujian korelasi Spearman digunakan sebagai pendekatan non-parametrik yang lebih sesuai untuk menangani pelanggaran andaian normaliti secara minimum. Pengiraan saiz kesan (Cohen's f^2) dilakukan untuk menilai kekuatan praktikal model yang dibangunkan.

HUBUNGAN ANTARA SOKONGAN SOSIAL, MOTIVASI DIRI, DAN AMALAN MEMBACA AL-QURAN DALAM KALANGAN OKU PENGLIHATAN DEWASA DI KAWASAN PEDALAMAN KEDAH

Kajian ini bertujuan menilai dan membandingkan pengaruh sokongan sosial dan motivasi diri terhadap amalan membaca al-Quran dalam kalangan OKU penglihatan dewasa di kawasan pedalaman negeri Kedah. Bagi mencapai objektif tersebut, analisis data melibatkan statistik deskriptif, korelasi *Pearson* dan regresi *linear* berganda bagi menentukan pemboleh ubah yang paling signifikan dalam meramalkan amalan membaca al-Quran.

4.1 Analisis Korelasi *Spearman*

Kajian ini bertujuan untuk menilai hubungan antara sokongan sosial, motivasi diri dan amalan membaca al-Quran dalam kalangan individu dewasa Orang Kurang Upaya (OKU) penglihatan yang menetap di kawasan pedalaman negeri Kedah. Oleh kerana salah satu pemboleh ubah tidak memenuhi andaian normaliti, maka analisis korelasi *Spearman* digunakan sebagai pendekatan non-parametrik. Ujian korelasi dijalankan secara sehalu (*one-tailed*) berdasarkan hipotesis arah yang menjangkakan hubungan positif antara pemboleh ubah.

Hasil analisis menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan antara sokongan sosial dan amalan membaca al-Quran iaitu $r_s = 0.404$ dan $p = 0.048$. Penemuan ini menunjukkan bahawa peningkatan sokongan sosial berkait secara langsung dengan peningkatan amalan membaca al-Quran secara konsisten dalam kalangan responden.

Sebaliknya, hubungan antara motivasi diri dan amalan membaca al-Quran adalah tidak signifikan dari segi statistik walaupun ia menunjukkan ke arah positif iaitu $r_s = 0.287$ dan $p = 0.124$. Begitu juga hubungan antara motivasi diri dan sokongan sosial turut mencatat korelasi positif yang tidak signifikan iaitu $r_s = 0.330$ dan $p = 0.091$. Walaupun hubungan antara motivasi diri dengan pengamalan dan sokongan sosial tidak signifikan secara statistik ($p > 0.05$) namun nilai korelasi yang diperoleh menunjukkan saiz hubungan yang sederhana. Ini menunjukkan bahawa masih terdapat potensi hubungan antara pemboleh ubah tersebut yang wajar diterokai dalam kajian lanjutan dengan reka bentuk dan saiz sampel yang lebih kukuh.

Jadual 4.1 Korelasi Non-parametrik

			Motivasi diri	Sokongan sosial	Pengalaman
Spearman's rho	Motivasi diri	Correlation Coefficient	1.000	0.330	0.287
		Sig. (1-tailed)	.	0.091	0.124
		N	18	18	18
	Sokongan sosial	Correlation Coefficient	0.330	1.000	0.404*
		Sig. (1-tailed)	0.091	.	0.048
		N	18	18	18
	Pengalaman	Correlation Coefficient	0.287	0.404*	1.000
		Sig. (1-tailed)	0.124	0.048	.
		N	18	18	18

*. Correlation is significant at the 0.05 level (1-tailed).

4.2 Analisis Regresi Linear Berganda

Analisis regresi linear berganda telah dijalankan untuk menilai sumbangan kolektif sokongan sosial dan motivasi diri terhadap amalan membaca al-Quran dalam kalangan OKU penglihatan. Ringkasan Model Regresi dalam jadual 4.2 menunjukkan nilai korelasi berganda $R = 0.460$ dan pekali determinasi $R^2 = 0.212$. Ini bermakna bahawa sebanyak 21.2% daripada varians dalam amalan membaca al-Quran dapat dijelaskan oleh gabungan dua pemboleh ubah bebas tersebut. Namun demikian, nilai *Adjusted R²* menurun kepada 0.106 apabila pelarasan dilakukan bagi mengambil kira saiz sampel. Dapatan ini menunjukkan berlaku sedikit kemerosotan dalam ketepatan model.

Jadual 4.2 Model Summary

Mode	R	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate
1	0.460 ^a	0.212	0.91568

a. Predictors: (Constant), Sokongan Sosial, Motivasi diri

Hasil ujian *Analysis of Variance* (ANOVA) secara keseluruhannya menunjukkan bahawa model regresi yang diperolehi tidak signifikan dari segi statistik iaitu $F(2, 15) = 2.013$, $p = 0.168$. Ini menunjukkan bahawa gabungan sokongan sosial dan motivasi diri tidak memberikan sumbangan ramalan yang signifikan terhadap amalan membaca al-Quran dalam kalangan sampel kajian ini.

Jadual 4.3 ANOVA^a

Model		<i>Sum of Squares</i>	<i>df</i>	<i>Mean Square</i>	<i>F</i>	<i>Sig.</i>
1	Regression	3.375	2	1.688	2.013	0.168 ^b
	Residual	12.577	15	0.838		
	Total	15.952	17			

a. Dependent Variable: Pengamalan

b. Predictors: (Constant), Sokongan Sosial, Motivasi diri

Analisis yang dilakukan terhadap koefisien regresi secara berasingan mendapati bahawa kedua-dua pemboleh ubah bebas menunjukkan hubungan positif dengan amalan membaca al-Quran. Hasil analisis terhadap konstruk motivasi diri menunjukkan nilai koefisien $B = 0.524$ dengan standard piawai $\beta = 0.270$ dan nilai signifikan $p = 0.268$. Sementara itu, konstruk sokongan sosial pula mencatatkan $B = 0.378$, $\beta = 0.319$, dan $p = 0.194$. Walaupun nilai *beta* mencerminkan potensi sumbangan dalam arah yang positif tetapi kedua-dua pemboleh ubah tidak mencapai tahap signifikan kerana nilai $p > 0.05$.

Jadual 4.4 Koefisien^a

Model		<i>Unstandardized Coefficients</i>	<i>Std. Error</i>	<i>Standardized Coefficients</i>	<i>t</i>	<i>Sig.</i>
1	(Constant)	-0.641	2.080		-0.308	0.762
	Motivasi diri	0.524	0.456	0.270	1.150	0.268
	Sokongan Sosial	0.378	0.278	0.319	1.359	0.194

a. Dependent Variable: Pengamalan

Dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun terdapat kecenderungan peningkatan dalam motivasi diri dan sokongan sosial untuk menyumbang kepada peningkatan amalan membaca al-Quran, namun bukti statistik yang diperoleh tidak mencukupi untuk menyokong kesimpulan tersebut secara signifikan. Dalam konteks kajian sosial yang melibatkan populasi khusus seperti OKU penglihatan, faktor seperti saiz sampel yang terhad, heterogeniti ciri peserta (seperti perbezaan umur, latar pendidikan agama dan tahap celik Braille), serta batasan dalam aspek pengukuran berkemungkinan mempengaruhi kekuatan statistik dan ketepatan model yang dibangunkan.

Kesimpulannya, hasil analisis regresi linear berganda menunjukkan bahawa tiada pemboleh ubah bebas yang memberikan pengaruh signifikan terhadap pengamalan membaca al-Quran dalam kalangan responden walaupun dianalisis secara bersendirian mahupun secara gabungan. Namun begitu, dapatan yang diperoleh daripada analisis korelasi terdahulu menunjukkan bahawa sokongan sosial mempunyai hubungan yang signifikan dan positif dengan amalan membaca al-Quran apabila dianalisis secara berasingan. Penemuan ini memberikan indikasi awal bahawa sokongan sosial berpotensi menjadi faktor penting yang mempengaruhi pengamalan membaca al-Quran dalam kalangan OKU penglihatan. Justeru itu, kajian lanjutan dengan saiz sampel yang lebih besar, instrumen pengukuran yang lebih mantap,

serta reka bentuk penyelidikan yang lebih menyeluruh amat diperlukan untuk mengesahkan pola hubungan yang dikenal pasti dalam kajian ini.

4.3 Kekuatan Kesan Praktikal Model Regresi


Selain menilai kesignifikan statistik model, kajian ini turut mengambil kira saiz kesan (*effect size*) melalui pengiraan Cohen's f^2 . Pengiraan ini penting untuk menentukan sejauh mana pemboleh ubah bebas iaitu sokongan sosial dan motivasi diri mampu mempengaruhi amalan membaca al-Quran walaupun dapatan model regresi tidak signifikan secara statistik. Berdasarkan nilai pekali determinasi model regresi iaitu $R^2 = 0.212$, nilai Cohen's f^2 dikira menggunakan formula berikut:

$f^2 =$	$\frac{0.212}{1 - 0.212}$	$=$	$\frac{0.212}{0.788}$	$=$	0.269
---------	---------------------------	-----	-----------------------	-----	--------------

Berdasarkan garis panduan Cohen (1988), sekiranya nilai f^2 sekitar 0.02 dianggap memberi kesan yang kecil, 0.15 kesan sederhana, dan 0.35 kesan yang besar. Maka, nilai $f^2 = 0.269$ dalam kajian ini menunjukkan model mempunyai kesan sederhana ke arah besar yang dianggap bermakna dari sudut praktikal. Dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun model regresi tidak mencapai tahap signifikan ($F(2,15) = 2.013$, $p = 0.168$) namun ia tetap menunjukkan potensi yang kukuh dalam menjelaskan variasi pengamalan membaca al-Quran. Dapatan tersebut mungkin dipengaruhi oleh saiz sampel yang kecil namun kesan praktikalnya tetap relevan dan tidak boleh diabaikan. Justeru, penilaian hasil kajian tidak seharusnya bergantung kepada nilai signifikan sahaja tetapi perlu juga mengambil kira kekuatan kesan sebagai indikator tambahan yang penting.


Bagi menyokong dapatan statistik ini, dua bentuk visualisasi grafik dibangunkan menggunakan *scatter plot* dan *partial regression plot*. *Scatter plot* menunjukkan hubungan dua hala antara setiap pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar, manakala *partial regression plot* memaparkan hubungan unik antara satu pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar apabila kesan pemboleh ubah lain dikawal. Visualisasi ini menyokong dapatan korelasi positif yang diperoleh sebelum ini iaitu hubungan antara sokongan sosial dan amalan membaca al-Quran.

Rajah 4.1 menunjukkan hubungan sokongan sosial dan amalan membaca al-Quran yang cenderung ke arah positif di mana peningkatan tahap sokongan sosial selari dengan peningkatan skor amalan membaca al-Quran. Walaupun sebaran titik data tidak terlalu rapat namun arah linear yang positif dapat dikesan dengan jelas. Corak ini mengukuhkan dapatan korelasi *Spearman* yang menunjukkan hubungan positif yang signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah ($r_s = 0.404$, $p = 0.048$).




Rajah 4.1 *Scatter plot* antara sokongan sosial dan amalan membaca al-Quran

Rajah 4.2 pula menunjukkan hubungan antara motivasi diri dengan amalan membaca al-Quran terdapat arah korelasi positif namun pola hubungan kelihatan lebih tersebar. Ini sejajar dengan dapatan korelasi yang menunjukkan hubungan positif tetapi tidak signifikan ($r_s = 0.287$, $p = 0.124$). Ini menunjukkan bahawa pengaruh motivasi diri terhadap amalan membaca mungkin wujud tetapi tidak cukup kuat dalam sampel ini.




Rajah 4.2 *Scatter plot* bagi motivasi diri dan amalan membaca al-Quran

Rajah 4.3 menunjukkan corak hubungan kedua-dua pemboleh ubah yang konsisten dengan analisis regresi. Bagi sokongan sosial, garis regresi menunjukkan arah positif yang lebih jelas berbanding dengan motivasi diri. Ini menunjukkan bahawa setelah mengambil kira kesan pemboleh ubah lain, sokongan sosial masih memberi pengaruh positif terhadap variasi dalam amalan membaca al-Quran. Sebaliknya, hubungan antara motivasi diri dan amalan membaca selepas dikawal kelihatan lemah dan lebih bersifat merata. Ini menunjukkan bahawa pengaruh motivasi diri dengan amalan membaca al-Quran kurang jelas.



Rajah 4.3 *Partial regression plot* pemboleh ubah bebas “Sokongan sosial”



Rajah 4.4 *Partial regression plot* pemboleh ubah bebas “Motivasi diri”

Secara keseluruhannya, visualisasi graf ini menyokong kesimpulan awal bahawa sokongan sosial merupakan pemboleh ubah yang lebih dominan dalam pengamalan membaca al-Quran berbanding motivasi diri walaupun tiada pengaruh yang signifikan secara statistik dalam model regresi berganda. Visualisasi hubungan ini menambahkan nilai kepada pemahaman interpretatif dan justifikasi dapatan kajian.

PERBINCANGAN KAJIAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa hanya sokongan sosial mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan amalan membaca al-Quran dalam kalangan OKU penglihatan di kawasan pedalaman negeri Kedah, manakala motivasi diri walaupun menunjukkan arah hubungan positif tetapi tidak mencapai tahap signifikan. Keputusan ini memberikan gambaran bahawa faktor luaran yang bersifat persekitaran lebih banyak mempengaruhi penglibatan golongan ini dalam amalan membaca al-Quran berbanding faktor dalaman individu.

Penemuan ini selaras dengan kajian Hajarul Bahti Zakaria et al. (2017) dan Jaafar dan Aziz (2018) yang menekankan kepentingan sokongan keluarga, rakan sebaya, serta guru dalam meningkatkan pencapaian pembelajaran al-Quran bagi individu bermasalah penglihatan. Sokongan sosial berfungsi sebagai dorongan moral serta sebagai sumber praktikal seperti penyediaan bahan bacaan Braille, pengaturan masa pembelajaran, dan bimbingan secara langsung. Kajian terdahulu oleh Cohen dan Wills (1985) serta Cutrona dan Russell (1990) turut menegaskan bahawa sokongan sosial mampu bertindak sebagai pelindung (*buffer*) terhadap tekanan dan kekangan sekali gus menggalakkan kesinambungan pengamalan ibadah.

Sebaliknya, ketidaksignifikanan motivasi diri dalam kajian ini berkemungkinan dipengaruhi oleh beberapa faktor. Pertama, persekitaran pedalaman dengan keterbatasan akses kepada sumber pembelajaran mungkin menghadkan peluang individu untuk memanfaatkan motivasi dalaman mereka. Walaupun seseorang mempunyai keazaman yang tinggi namun kekurangan fasiliti dan bimbingan berstruktur boleh menyebabkan motivasi tersebut tidak diterjemahkan kepada amalan yang konsisten. Dapatan ini berbeza daripada kajian Ali Hasan et al. (2017) dan Azizah (2023) yang mendapati motivasi dalaman berperanan penting dalam keberhasilan pembelajaran al-Quran, tetapi konteks kajian mereka adalah di kawasan yang lebih mudah diakses kepada kemudahan pembelajaran.

Selain itu, saiz sampel kajian ini yang kecil ($n=18$) mungkin menghadkan kekuatan statistik untuk mengesan hubungan signifikan bagi motivasi diri. Faktor heterogeniti responden seperti umur, tahap pendidikan agama, dan kemahiran membaca Braille juga boleh mempengaruhi keputusan analisis. Walaupun begitu, nilai korelasi sederhana yang diperolehi menunjukkan potensi hubungan yang wajar diterokai dalam kajian berskala lebih besar.

Walaupun model regresi berganda tidak signifikan secara statistik, tetapi pengiraan saiz kesan Cohen's f^2 (0.269) menunjukkan kekuatan praktikal pada tahap sederhana ke arah besar. Ini menunjukkan bahawa gabungan sokongan sosial dan motivasi diri tetap mempunyai nilai dalam menjelaskan variasi amalan membaca al-Quran terutamanya dari perspektif aplikasi di lapangan. Dalam konteks ini, cadangan intervensi berasaskan komuniti adalah relevan, selaras dengan saranan Mohd Norhisham Pauzi et al. (2020) bahawa pengukuhan sokongan institusi dan penglibatan komuniti setempat dapat meningkatkan penglibatan dalam pembelajaran al-Quran.

Secara keseluruhan, dapatan kajian ini memperkuat pandangan bahawa faktor luaran seperti sokongan sosial memainkan peranan yang lebih dominan berbanding motivasi diri dalam mempengaruhi amalan membaca al-Quran dalam kalangan OKU penglihatan di kawasan pedalaman. Namun, ia tidak menafikan kepentingan motivasi diri, sebaliknya mencadangkan bahawa motivasi dalaman memerlukan persekitaran yang kondusif untuk berkembang menjadi amalan yang konsisten. Justeru, penyelidikan lanjutan dengan reka bentuk campuran (*mixed-method*) disarankan bagi memahami secara lebih mendalam interaksi antara faktor dalaman dan luaran dalam konteks pembelajaran al-Quran golongan ini.

IMPLIKASI DAN CADANGAN

Dapatan kajian ini memberikan beberapa implikasi penting yang bukan sahaja bersifat praktikal, tetapi juga menyentuh aspek konsep, dasar dan strategi pelaksanaan dalam pembangunan pendidikan agama untuk OKU penglihatan yang tinggal di kawasan pedalaman.

a) Implikasi Konseptual: Pemerkasaan Melalui Sokongan Sosial

Kajian ini menunjukkan bahawa sokongan sosial lebih berkesan berbanding motivasi diri dalam membantu OKU penglihatan mengamalkan bacaan al-Quran. Oleh itu, pendekatan yang hanya menekankan pemerkasaan individu perlu dikembangkan kepada pendekatan yang menggabungkan sokongan daripada komuniti, institusi agama, dan persekitaran sosial.

b) Implikasi Strategik terhadap Dasar Pendidikan Islam Inklusif

Hasil kajian menunjukkan bahawa motivasi diri tidak cukup kuat secara bersendirian untuk mengekalkan amalan ibadah. Maka, dasar pendidikan Islam untuk OKU perlu memasukkan sokongan sosial sebagai komponen asas dan bukan hanya sekadar pelengkap. Keberkesanan program juga perlu diukur berdasarkan akses kepada sokongan sosial, penglibatan komuniti, dan peranan keluarga.

c) Implikasi terhadap Penilaian Program Pendidikan Agama OKU

Keberkesanan program pendidikan agama untuk OKU penglihatan seperti kelas al-Quran khas, halaqah komuniti atau modul berasaskan Braille tidak seharusnya dinilai hanya melalui kehadiran atau pencapaian ujian pengetahuan semata-mata. Penilaian yang dilakukan perlu turut mengambil kira faktor sokongan sosial seperti keterlibatan ahli keluarga, peranan komuniti setempat, serta akses kepada fasiliti dan bahan bantu belajar yang sesuai dan mesra OKU.

d) Implikasi Dasar: Program Keagamaan yang Disesuaikan Mengikut Wilayah

Hubungan yang kukuh antara sokongan sosial dan pengamalan membaca al-Quran menunjukkan keperluan kepada program keagamaan yang dirancang khusus mengikut keperluan lokaliti. Dasar seperti ini boleh diterjemahkan melalui pelaksanaan halaqah komuniti, kelas al-Quran khas, atau sesi bimbingan secara berkelompok yang dibentuk berdasarkan realiti kawasan pedalaman dan tidak tertumpu di bandar sahaja. Selain itu, kaedah pelaksanaan perlu disesuaikan dengan keperluan golongan dewasa yang berbeza daripada pelajar dengan pendekatan yang lebih fleksibel seperti pembelajaran sendiri, penggunaan rakaman audio, atau pengajaran secara bersemuka mengikut kesesuaian.

e) Implikasi terhadap Reka Bentuk Instrumen dan Kajian Lanjutan

Motivasi dalaman golongan OKU penglihatan adalah lebih kompleks kerana mereka berhadapan dengan cabaran berganda. Oleh itu, instrumen kajian pada masa hadapan perlu dibina dengan lebih sensitif terhadap konteks kehidupan sebenar OKU penglihatan seperti tahap kebergantungan mereka kepada bantuan fizikal, emosi, dan fasilitatif.

PENUTUP

Secara keseluruhannya, kajian ini memberikan gambaran awal tentang peranan sokongan sosial dan motivasi diri dalam mempengaruhi amalan membaca al-Quran dalam kalangan OKU penglihatan dewasa di kawasan pedalaman. Walaupun model regresi tidak menunjukkan hubungan yang signifikan secara statistik, tetapi sokongan sosial dikenal pasti mempunyai hubungan positif yang signifikan apabila diukur secara berasingan manakala motivasi diri menunjukkan kecenderungan positif namun tidak signifikan. Dapatan ini menekankan bahawa elemen sokongan daripada persekitaran seperti keluarga, guru, komuniti, dan institusi agama memainkan peranan penting dalam membentuk dan mengekalkan amalan membaca al-Quran dalam kalangan golongan ini. Justeru, penyediaan sokongan sosial yang sistematik perlu diberi penekanan dalam program pendidikan Islam yang inklusif. Diharapkan supaya kajian ini dapat menjadi asas kepada pelaksanaan dasar dan program pendidikan agama yang lebih responsif terhadap keperluan sebenar komuniti OKU penglihatan Islam di Malaysia.

RUJUKAN

- Abd Razak, R., & Awang, N. W. (2022). Kajian hubungkait antara amalan dan kesedaran pembacaan al-Quran dalam kalangan pelajar semester akhir Politeknik Muadzam Shah. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 7(46), 527–536.
- Ali Hasan, A. R., Mohd Patel, I. F., & Abd Ghani, A. R. (2017). Faktor motivasi dalam amalan pembelajaran hafazan al-Quran. *Perspektif: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 9(1), 13–20. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PERS/article/view/1762>
- Azizah, N. F. (2023). *Motivasi belajar al-Quran usia dewasa akhir (Studi kasus Lembaga Pendidikan al-Quran Masjid Syuhada Kotabaru, Kec. Gondokusuman, Kota Yogyakarta)* [Tesis kedoktoran, Universitas Muhammadiyah Yogyakarta].
- Bronfenbrenner, U. (1979). *The Ecology of Human Development: Experiments by Nature and Design*. Harvard University Press.
- Cohen, J. (1988). *Statistical Power Analysis for The Behavioral Sciences* (2nd ed.). Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- Cohen, S., & Wills, T. A. (1985). *Stress, Social Support, and the Buffering Hypothesis*. *Psychological Bulletin*, 98(2), 310–357.
- Cutrona, C. E., & Russell, D. W. (1990). *Type of Social Support and Specific Stress: Toward a Theory of Optimal Matching*. In B. R. Sarason, I. G. Sarason, & G. R. Pierce (Eds.), *Social Support: An Interactional View* (pp. 319–366). John Wiley & Sons.
- Deci, E. L., & Ryan, R. M. (1985). *Intrinsic Motivation and Self-Determination in Human Behavior*. Springer.
- Deci, E. L., & Ryan, R. M. (2017). *Self-Determination Theory: Basic Psychological Needs in Motivation, Development, and Wellness*. Guilford Press. <https://doi.org/10.1521/978.14625/28806>
- Firmansyah, D. (2024). *Hubungan dukungan sosial dengan motivasi menghafal Al-Quran pada santri Pondok Tahfizh Quran Hisbah Al-Mizan Pontianak* [Undergraduate thesis, IAIN Pontianak]. <https://digilib.iainptk.ac.id/xmlui/handle/123456789/4727>
- Hajarul Bahti Zakaria, Ab. Halim Tamuri, Norshidah Mohd Salleh, & Mohd Huzairi Awang@Husain. (2017). Persekitaran pembelajaran tilawah al-Quran murid masalah penglihatan di Malaysia. *Proceedings of International Conference on Special Education*, 2. <https://publication.seameosen.edu.my/index.php/icse/article/view/129>
- Jaafar, N., & Aziz, N. A. A. (2018). Faktor penguasaan pembelajaran al-Quran orang kelainan upaya masalah penglihatan: Kajian di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK) Alma, Pulau Pinang. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 4(2), 12–23.
- Lahmi, A., Rasyid, A., & Jummadillah, J. (2020). Analisis upaya, faktor pendukung dan penghambat pembelajaran al-Quran dan Hadis di Madrasah Tsanawiyah Kota Padang, Sumatra Barat, Indonesia. *DAYAH: Journal of Islamic Education*, 3(2), 213.
- Mohd Azmi, M. H. A., Ahmad, A. D., Zakaria, S. N. A., & Wan Abu Bakar, W. H. R. (2025). Faktor-faktor kekurangan kelas pengajian al-Quran Braille di Malaysia: Tinjauan dan analisis [Factors contributing to the limited availability of braille Quran learning classes in Malaysia: A survey and analysis]. *Ulum Islamiyyah*, 37(02), 14–19. <https://doi.org/10.33102/uij.vol37no02.610>
- Mohd Norhisham Pauzi, Suzielahyati Yahya, & Anuar Ralib. (2020). Faktor yang mempengaruhi motivasi komuniti setempat untuk mempelajari ilmu al-Quran di institusi pengajian al-Quran. *Seminar Penyelidikan & Pendidikan 2015 Peringkat Kebangsaan, Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan*. https://www.researchgate.net/publication/347422011faktor_yang_mempengaruhi_motivasi_komuniti_setempat_untuk_mempelajari_ilmu_al-quran_di_institusi_pengajian_al-quran

- Mustamin, M., & Martini, M. (2025). Hubungan motivasi belajar dengan hasil belajar mata pelajaran Akidah Akhlak peserta didik kelas VII di SMPIT Duruusul Qur'an Islamic School Kota Makassar. *Mujaddid: Jurnal Penelitian dan Pengkajian Islam*, **2(2)**, 1001–1019.
- Najah, A. N., & Hasan, Z. A. (2023). Analisis hubungan dari motivasi dengan keberhasilan akademik pada mata pelajaran Pendidikan Agama Islam. *Nusantara: Indonesian Journal of Islamic Studies*, **3(2)**, 179–196.
- Reza, A. (2025). *Pengaruh dukungan sosial dan penerimaan diri terhadap motivasi menghafal al-Quran pada mahasiswa UIN Sunan Gunung Djati* [Tesis kedoktoran, UIN Sunan Gunung Djati].
- Ryan, R. M., Rigby, C. S., & King, K. (1993). *Two Types of Religious Internalization And Their Relations to Religious Orientations And Mental Health*. *Journal of Personality and Social Psychology*, **65(3)**, 586–596.
- Sholehah, N. R., & Arif, M. (2024). Perkembangan dan faktor-faktor pendorong studi al-Qur'an. *At-Tajdid: Jurnal Pendidikan dan Pemikiran Islam*, **8(1)**, 300–311.
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail, & Noranizah Yusuf. (2012). Faktor persekitaran sosial dan hubungannya dengan pembentukan jati diri. *Jurnal Hadhari*, **Edisi Khas**, 155–172.